



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

28 JUN 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Peralihan bagi setiap Fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak tertakluk kepada satu-satu tarikh semata-mata sebaliknya ia bergantung kepada tiga indikator nilai ambang utama yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebelum ini.

Tiga indikator tersebut ialah purata kes harian COVID-19, kadar penggunaan katil di ICU serta kadar vaksinasi bagi populasi yang telah menerima dua dos lengkap.

Sekiranya ketiga-tiga indikator itu berjaya dipenuhi, maka ia akan beralih ke Fasa seterusnya. Lagi cepat kita mencapai nilai ambang bagi ketiga-tiga indikator itu, lagi cepatlah kita dapat beralih ke fasa berikutnya.

Sehubungan itu, adalah amat penting untuk setiap rakyat Malaysia mematuhi SOP yang telah ditetapkan kerajaan dan mengamalkan kawalan sendiri bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Hanya dengan itu, kes harian COVID-19 dapat diturunkan, sekaligus mengurangkan jumlah pesakit yang dirawat di ICU.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan beberapa hari lepas, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 88,238 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota sebanyak 20,114.

Pada 27 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan 2,047 pemeriksaan ke atas kilang dan 11,899 premis perniagaan.

Dari jumlah itu, sebanyak lapan (8) premis telah diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

PKPD CLQ Gamuda Gardens, Kundang Jaya, Rawang, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di CLQ Gamuda Gardens, Kundang Jaya, Rawang, Selangor.

Sejak 14 Jun 2021, KKM mendapati berlaku peningkatan apabila sebanyak 57 kes telah dilaporkan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di CLQ Gamuda Gardens, Kundang Jaya, Rawang, Selangor berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

PKPD Taman Murni, Sepang, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Murni, Sepang, Selangor.

KKM mendapati berlaku peningkatan apabila sebanyak 36 kes telah dikesan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Murni, Sepang, Selangor berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan aktiviti saringan kontak, pengasingan bagi kes dan kotak rapat serta menyekat pergerakan keluar masuk orang ramai dari kawasan ini.

PKPD Pangsapuri Sri Ayu, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Pangsapuri Sri Ayu, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Dalam tempoh sebulan, sebanyak 205 kes telah dikesan dan KKM mendapati penularan masih berlaku dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pangsapuri Sri Ayu, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Selangor berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

PKPD CLQ Johan Setia, Kampung Johan Setia, Klang, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di CLQ Johan Setia, Kampung Johan Setia, Klang, Selangor.

Kes positif COVID-19 terus meningkat dalam tempoh 12 hari apabila sebanyak 156 kes dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di CLQ Johan Setia, Kampung Johan Setia, Klang, Selangor berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan pekerja kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

PKPD Kampung Tematu, Jalan Batu Kitang, Kuching, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tematu, Jalan Batu Kitang, Kuching, Sarawak.

Setakat ini, KKM telah melakukan 35 ujian saringan dan 17 daripadanya dikesan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 35.5%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tematu, Jalan Batu Kitang, Kuching, Sarawak berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan lanjut dalam kawasan terlibat serta juga penularan keluar dari kawasan tersebut.

PKPD Kampung Linukaan, Kota Marudu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Linukaan, Kota Marudu, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di lokaliti ini di mana 11 kes positif telah direkodkan hasil dari 47 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 23.4%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Linukaan, Kota Marudu, Sabah berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada dalam kawasan PKPD dan memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes positif supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Kwarters Pekerja Ladang Mukah 1, Sarawak Plantation Agriculture Development Sdn Bhd (SPAD), Mukah, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kwarters Pekerja Ladang Mukah 1, Sarawak Plantation Agriculture Development Sdn Bhd (SPAD), Mukah, Sarawak.

Sehingga kini, KKM telah merekodkan 19 kes positif hasil saringan ke atas 240 individu dengan kadar positifiti 9.3%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kwarters Pekerja Ladang Mukah 1, Sarawak Plantation Agriculture Development Sdn Bhd (SPAD), Mukah, Sarawak berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Dengan adanya PKPD, semua pekerja akan disaring dan diswab seterusnya memudahkan pencarian kes positif dan pembendungan wabak secepat mungkin.

PKPD Flat Taman Benus Jaya, Bentong, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Flat Taman Benus Jaya, Bentong, Pahang.

KKM mendapati trend kes meningkat apabila tujuh (7) kes telah dikesan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Taman Benus Jaya, Bentong, Pahang berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 3 lokaliti di Kudat, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti di Kudat, Sabah iaitu:

- Kampung Timbagan, Matunggong
- Kampung Perpaduan Gumpa
- Kampung Perpaduan 2

Sebanyak 29 kes telah dilaporkan selepas KKM melakukan 55 ujian saringan di ketiga-tiga lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Kudat, Sabah berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 46 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mendapati trend kes telah meningkat dan kadar kebolehhangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Pekerja Ladang Sungai Balung, Tawau, Sabah berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kwarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur Keningau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kwarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur Keningau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 236 ujian saringan dan 31 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mendapati trend kes telah meningkat dan kadar kebolehhangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kwarters Kilang Bata Kampung Durok, Kampung Limbawan Sayur Keningau, Sabah berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Pondo, Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Pondo, Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah direkodkan dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pondo, Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD 2 lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 278 ujian saringan dan 134 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di dua (2) lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak bermula 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Pelanjutan PKPD Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 691 ujian saringan dan 464 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati penularan masih berlaku, terdapat juga kes baharu direkodkan dalam kalangan komuniti dan masih banyak sampel ujian saringan belum mendapat keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Asrama Pekerja Warga Asing, Jalan Rivera, Tanjung Agas, Tangkak, Johor bermula 30 Jun sehingga 13 Julai 2021.

Penamatan Awal PKPD Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 3 Julai 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 448 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 2 Julai 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 256 ujian saringan dan 74 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pengaraban, Kudat, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 3 Julai 2021.

Sepanjang pelaksanaan PKPD di lokaliti itu, KKM telah melakukan 155 ujian saringan dan 23 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah pada 28 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 88,238 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,406 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,114 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 866 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 779 individu dikompaun manakala 87 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (229)
- Tidak memakai pelitup muka (154)
- Tiada penjarakan fizikal (151)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (88)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (81)
- Membawa penumpang berlebihan (50)
- Premis gagal patuhi arahan (10)
- Lain-lain (103)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 17 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tujuh (7) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 143 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 11 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 1,018 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 964 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 129 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 60 zon merah, zon jingga (4) dan zon kuning (4).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 793 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 221 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 132 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,516 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 546 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 235,706 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 73 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,141 individu telah dikuarantin dan 224,719 orang dibenarkan pulang manakala 2,846 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 700 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (521), pemborong (147) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,381 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,341 premis mematuhi SOP, 25 dikenakan kompaun, nasihat (11) dan empat (4) lagi diberi amaran.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 29 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,073 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,350 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,369 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 689,704 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**